

APLIKASI TEORI KE PRAKTIS : KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP PELAKSANAAN KAPASITI PEDAGOGI PEMBELAJARAN BERMAKNA

Application from Theory to Practice: Student Teachers' Readiness towards the Implementation of Pedagogical Capacity for Deep Learning

*Munira Mohsin, PhD. Muaaz Muhammad, Rafidah Ruhani, Masitah Taib, PhD,
& Salmawati Mohd Diah*

*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
jka@ipgkik.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesediaan pelajar terhadap pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB). Fokus kajian adalah untuk mengetahui sejauhmana aspek pengetahuan pelajar dalam melaksanakan KPPB, kemahiran pelajar dalam melaksanakan KPPB, dan konsepsi pelajar terhadap pelaksanaan KPPB ini dalam situasi sebenar di bilik darjah. Responden kajian terdiri daripada 85 pelajar dari Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Ambilan Jun 2018-2022 iaitu pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian di salah sebuah institusi perguruan di Kuala Lumpur. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik yang meliputi konstruk utama iaitu dari aspek pengetahuan pelaksanaan KPPB, kemahiran dalam pelaksanaan KPPB serta konsepsi mereka terhadap KPPB dengan nilai $\alpha=0.7$. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif berasaskan objektif dan persoalan kajian. Dapatan kajian memberi implikasi bahawa pelajar perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran melaksanakan KPPB agar mereka yakin dalam merungkai kurikulum dan mempraktikkan kemahiran tersebut untuk proses pembelajaran sendiri dan untuk tujuan aplikasi teori ke praktis kelak. Kajian juga memberi implikasi bahawa penghayatan pelajar dalam KPPB memberikan keyakinan dan menggalakkan pelajar bersikap kritis dan kreatif dalam berhadapan dengan isu-isu khusus dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Kata kunci: KPPB, kapasiti pedagogi, dan pembelajaran bermakna

ABSTRACT

This study aims to review the readiness of the student teachers towards the implementation of Pedagogical Capacity for Deep Learning (PCDL). The focus of the study is to find out the extent of the student teachers' knowledge and skill aspects in implementing the Pedagogical Capacity of Meaningful Learning, and the conception of student teachers towards the implementation of PCDL in real situations in the classroom. The respondents of this study consisted of 85 final year student teachers from the Bachelor of Education Program June Cohort (2018-2022) at one of the teacher educational institutions in Kuala Lumpur. This survey research uses a questionnaire that covers the main construct that consist of the aspect of knowledge of the implementation of PCDL, skills in the implementation of PCDL and their conception of PCDL with a value of $\alpha=0.7$. The research findings are analyzed descriptively based on the objectives and research questions. The findings of the study give implications that student teachers need to be equipped with the knowledge and skills to implement PCDL so that they are confident in unpacking the curriculum and practicing those skills for their self-learning process and for the purpose of applying theory to practice later. The study also implies that student teachers' understanding of PCDL gives them confidence and encourages them to be critical and creative in dealing with specific issues in teaching and learning in the classroom.

Keywords: PCDL, pedagogical capacity & deep learning

PENGENALAN

Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna atau lebih dikenali dengan KPPB ialah satu kaedah yang dicadangkan untuk memantapkan pedagogi pensyarah bagi membimbing pelajar dan juga guru sekolah selaras dengan peranan pensyarah sebagai pembimbing instruksional. KPPB bermatlamat untuk meningkatkan penguasaan pelajar terhadap konsep *Big Idea*, *Essential Question* dan *Backward Design*. Selain itu, KPPB juga bertujuan untuk menyediakan pelajar untuk menghadapi situasi sebenar di alam pendidikan yang mengintegrasikan elemen kurikulum, pentaksiran dan pedagogi di samping untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran pelaksanaan perkembangan pendidikan terkini.

Program KPPB diadakan selaras dengan anjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 yang telah meletakkan usaha mentransformasi profesion keguruan, meningkatkan kualiti pensyarah dan guru pelatih. Program *Deep Learning* (DL) yang diinspirasikan oleh McEachen, Quinn dan Fullan (2017) dan diadaptasi dengan menggunakan acuan Institut Pendidikan Guru Malaysia diharapkan dapat melonjakkan kualiti guru yang merupakan faktor utama penentu keberhasilan murid seperti yang digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPPB mencerminkan pendekatan yang berbeza untuk mengajar, belajar, dan mentaksir secara menyeluruh dan holistik sambil menghasilkan perkara yang relevan dengan dunia di sekeliling kita. Pedagogi pembelajaran bermakna adalah keinginan untuk mengubah bentuk pendidikan bagi menyediakan para pelajar ke arah yang lebih baik untuk dunia persekitaran mereka. KPPB menghendaki dan memerlukan pelajar mencipta pengetahuan baru dan menyambung ke dunia sebenar dengan menggunakan penguasaan alat digital.

Amalan pedagogi KPPB merupakan gabungan amalan pedagogi sedia ada dengan amalan berbentuk inovatif. Bagi meningkatkan kualiti pedagogi guru-guru, peranan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) ialah sebagai peneraju KPPB dengan menyediakan pensyarah-pensyarah IPG sebagai rakan ELIT (*Educator Leadership Instructional Team*) dalam membimbing dan memberi sokongan profesional kepada sekolah secara berterusan. Dalam konteks di Institut Pendidikan Guru Kampus, para pensyarah IPG berperanan untuk melatih pelajar dan harap usaha murni ini akan menyediakan mereka sebagai guru permulaan yang dapat memberi impak terhadap murid di sekolah apabila mereka menjadi guru kelak.


KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konsep bagi kajian ini adalah berpandukan empat elemen Reka Bentuk Pembelajaran yang melibatkan amalan pedagogi, rakan pembelajaran, persekitaran pembelajaran dan pembelajaran digital. Dalam konteks kajian, proses keseluruhan pelaksanaan KPPB dapat dirumuskan pensyarah perlu mengambil kira dan mengenal pasti peranan empat elemen Reka Bentuk Pembelajaran untuk

melaksanakan perancangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang boleh mewujudkan pembelajaran bermakna. Pensyarah juga perlu menghubungkan kait setiap elemen Reka Bentuk Pembelajaran semasa merancang pelan pembelajaran bermakna bagi menentukan dan memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang relevan.

Rajah 1

Kerangka Konsep Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna



Amalan pedagogi pula merujuk peranan yang dimainkan oleh pensyarah. Sebagai seorang tenaga pengajar dalam era kontemporari, amalan pedagogi mestilah terkini (Fullan, Langworthy, 2014) dan menarik semasa melaksanakan KPPB. Pensyarah tidak lagi dilabel sebagai fasilitator tetapi mempunyai peranan baru iaitu sebagai aktivator. Peranan ini ibarat pemangkin untuk memastikan proses PdP menjadi berkesan. Pelajar tidak lagi dibimbing tetapi didorong untuk memastikan PdP tercapai. Hal ini bermakna sesi PdP berlaku secara berpusatkan pelajar. Pencapaian PdP bukan lagi sekadar memenuhi hasil pembelajaran tetapi dilanjutkan kepada pencapaian 6C iaitu *creativity, communication, critical thinking, collaboration, character* dan *citizenship*.

Peranan rakan pembelajaran amat diperlukan untuk menyokong pembelajaran berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pembelajaran tidak sekadar berlaku dalam kelas. Pembelajaran kini turut berlaku di luar kelas dan di luar waktu sekolah pada zaman pengkomputeran *ubiquitous* ini.

Selain itu, persekitaran pembelajaran yang kondusif diperlukan untuk merangsang proses PdP KPPB. Pedagogi ini bertindak mengembangkan persekitaran pembelajaran dengan bergerak melangkaui dinding kelas tradisional.

Penggunaan teknologi digital dalam amalan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah juga berperanan untuk memacu, membugar dan sebagai nilai tambah terhadap pembelajaran pelajar. Pembelajaran bermakna juga menekankan kolaborasi yang kompleks dan kreatif dalam menyelesaikan masalah, serta perhubungan baharu pembelajaran dalam kalangan pelajar, guru, keluarga dan juga komuniti. Hubungan kolaboratif ini dapat merealisasikan pemanfaatan digital dalam konteks pembelajaran bermakna.

PROSES PELAKSANAAN KPPB

Proses pelaksanaan KPPB yang dijalankan perlu melalui setiap *Entry Point* (EP) dalam perjalanan pembelajaran bermakna agar perancangan yang berfokus kepada pembelajaran bermakna dapat dilaksanakan dengan berkesan. Para pensyarah juga perlu memahami dengan mendalam setiap *Entry Point* ini kerana ia merupakan satu perjalanan ke arah pembelajaran bermakna bagi setiap pelajar. KPPB bermula dengan EP00 iaitu Merungkai Kurikulum; EP01 iaitu Kitaran Inkuiri Kolaboratif; EP02 iaitu Model Pembelajaran; EP03 iaitu Model Reka Bentuk Pembelajaran Bermakna; EP04 iaitu Pemanfaatan Digital dan EP05 iaitu kompetensi pembelajaran bermakna (6C).

Entry Point 00 iaitu Merungkai Kurikulum, memerlukan pensyarah merungkai kurikulum serta melaksanakan pentaksiran holistik bagi mewujudkan pembelajaran bermakna. Proses merungkai perlu menggunakan tiga alat yang utama iaitu membina *The Big Idea*, Soalan Penting dan *Backward Design*.

EP01 iaitu Kitaran Inkuiri Kolaboratif pula merupakan tahap yang melibatkan kerjasama antara pihak pentadbir dengan pensyarah untuk merangka pembelajaran yang akan diberikan kepada pelajar. Pada tahap ini keperluan, kekuatan dan kemajuan pelajar dikenal pasti. Hasil perbincangan dikaitkan dengan matlamat pembelajaran yang mengambil kira gabungan minat dan pencapaian pelajar. Tahap ini melibatkan kerjasama pihak pentadbir dengan pensyarah untuk mentaksir, mereka bentuk, melaksana, mengukur, mereflek dan menambah baik model.


Bagi EP02 iaitu Model Pembelajaran pula, pelajar mengaplikasi tiga komponen Model Pembelajaran Pelajar iaitu perhubungan, belajar cara belajar dan aspirasi. Dalam masa yang sama, pandangan pelajar dan pandangan oleh agensi luar juga diambil kira.

EP03 iaitu Model Reka Bentuk Pembelajaran Bermakna pula adalah keadaan di mana melibatkan kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna yang terdiri daripada empat elemen yang saling menyokong dan melengkapi antara satu sama lain iaitu amalan pedagogi, rakan pembelajaran, persekitaran pembelajaran dan pembelajaran digital. EP04 iaitu Pemanfaatan Digital alatan dan resos digital berperanan memacu dan mengupayakan pembelajaran bermakna. Manakala EP05 iaitu

kompetensi pembelajaran bermakna (6C), tahap ini melibatkan pengaplikasian kompetensi pembelajaran bermakna (6C) (Rujuk Rajah 2).

Rajah 2

Penjelmaan Elemen 6C Berdasarkan Kursus Secara Interdisciplinary



PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran bermakna ialah apabila pelajar menggunakan pengetahuan dan kemahiran isi kandungan untuk meneroka dan mencipta pengetahuan dan kemahiran yang baharu. Dengan pengetahuan dan kemahiran baharu yang diperoleh tersebut, pelajar menggunakannya untuk menyelesaikan masalah didalam kehidupan. Di IPG pelaksanaan KPPB adalah bergantung kepada kesesuaian kursus untuk setiap program. Hal ini melibatkan penggabungan yang bersifat interdisiplin atau intradisiplin. Contohnya beberapa kursus seperti Sains, Matematik, BM dan BI digabungkan melalui RMK dan sudah dikenal pasti hasil pembelajaran kursus atau *Course Learning Outcome* (CLO). Keadaan ini membolehkan pelaksanaan KPPB adalah secara interdisiplin. Hasil daripada gabungan beberapa kursus ini, satu pemahaman terhasil dan *The Big Idea* dikenal pasti. *The Big Idea* ini menunjukkan kefahaman beberapa kursus tersebut ada perkaitan antara satu sama lain. Dengan kefahaman tersebut, pengetahuan dan kemahiran yang terdapat di dalam keempat-empat kursus ini seharusnya akan diperoleh dan dikuasai oleh pelajar.

Terdapat juga pelaksanaan yang hanya melibatkan kursus-kursus daripada bidang yang sama atau bersifat intradisiplin. Namun konsep dan matlamat pelaksanaan adalah sama iaitu ke arah pembelajaran yang memberi makna kepada pelajar. Pendedahan pelajar di IPG kepada KPPB

merupakan satu usaha yang baik dalam melengkapkan pelajar untuk aplikasi teori ke praktis. Pelajar akan boleh mempraktikkan pengalaman yang mereka lalui dalam merancang pengajaran dan pembelajaran yang memberi makna kepada anak didik mereka di sekolah kelak. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengetahui pengetahuan pelajar terhadap KPPB. Fokus kajian adalah untuk meninjau dari aspek pengetahuan mereka dalam melaksanakan KPPB, kemahiran mereka dalam melaksanakan KPPB dan sikap mereka terhadap pelaksanaan KPPB ini dalam situasi sebenar di bilik darjah.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau pengetahuan pelajar terhadap KPPB. Fokus kajian adalah untuk meninjau dari aspek pengetahuan mereka dalam melaksanakan KPPB, kemahiran mereka dalam melaksanakan KPPB dan konsepsi mereka terhadap pelaksanaan KPPB ini dalam situasi sebenar di bilik darjah.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab persoalan kajian iaitu sejauh manakah aspek pengetahuan pelajar dalam melaksanakan KPPB, kemahiran pelajar dalam melaksanakan KPPB dan konsepsi pelajar terhadap pelaksanaan KPPB ini dalam situasi sebenar di bilik darjah.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan sesuatu kajian (Maxwell, 2013). Kajian yang dijalankan ini berbentuk tinjauan dan bersesuaian dengan tujuan kajian iaitu untuk mengetahui sejauh manakah aspek pengetahuan pelajar dalam melaksanakan KPPB, kemahiran pelajar dalam melaksanakan KPPB dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan KPPB ini dalam situasi sebenar apabila ke sekolah sebagai guru permulaan.

Sampel

Sampel kajian ini adalah seramai 85 orang dan mereka merupakan pelajar bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) Ambilan Jun 2018 yang berada di Semester 8 Tahun 2022. Taburan pelajar mengikut opsyen adalah seperti yang tertera pada Jadual 1.

Jadual 1

Taburan Responden Mengikut Opsyen

DESKRIPSI	BILANGAN	PERATUS
PK Masalah Pembelajaran	25	29.4
PK Masalah Penglihatan	4	4.70
PK Masalah Pendengaran	12	14.1
Pendidikan Muzik	26	30.6
Pendidikan Jasmani	18	21.2

Instrumen

Instrumen kajian bagi mengenal pasti pengetahuan pelajar terhadap KPPB dan sejauhmana mereka bersedia melaksanakan KPPB menggunakan soal selidik yang diadaptasi dari Mohd Safarin Nordin (2014) dengan nilai $\alpha=0.7$. Instrumen ini terdiri daripada 35 item tersebut diklasifikasikan kepada tiga konstruk atau dimensi iaitu *Pengetahuan Pelaksanaan KPPB*, *Kemahiran dalam Pelaksanaan KPPB* dan *Konsepsi Terhadap Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna*. Kajian ini menggunakan skala Likert 5 poin. Instrumen ini juga memerlukan responden menyatakan tahap persetujuan mengikut skala berikut: 1 untuk “Sangat Rendah”, 2 untuk “Rendah Setuju”, 3 untuk “Memuaskan”, 4 untuk “Tinggi” dan 5 untuk “Sangat Tinggi” bertujuan untuk meninjau pengetahuan pelajar terhadap KPPB, kemahiran melaksanakan dan konsepsi mereka terhadap KPPB ini. Instrumen kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan demografi responden seperti jantina dan kelayakan akademik tertinggi. Sementara bahagian B terdiri daripada 12 item soalan berkaitan pengetahuan pelaksanaan. Bahagian C pula terdiri dari 10 item soalan berkaitan kemahiran pelajar dalam Pelaksanaan KPPB. Manakala Bahagian D pula 13 item soalan berkaitan konsepsi pelajar terhadap pelaksanaan KPPB.

Analisis Data

Data dianalisis secara deskriptif berasaskan konstruk yang terdapat di dalam instrumen kajian yang menjurus kepada objektif dan persoalan kajian. Analisis dijalankan berasaskan konstruk-konstruk pengetahuan pelaksanaan, kemahiran mentaksir dan sikap. Instrumen kajian yang digunakan mengandungi 12 item soalan yang mewakili konstruk kesediaan dalam aspek pengetahuan, 10 item soalan yang mewakili konstruk kemahiran dalam melaksanakan KPPB dan 13 item soalan yang mewakili konstruk konsepsi pelajar terhadap pelaksanaan KPPB. Data kemudiannya dianalisis bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawainya.

Analisis deskriptif akan menggunakan statistik deskriptif. Statistik deskriptif merupakan teknik yang digunakan untuk menerangkan bahan mentah dan diproses kepada bentuk yang lebih ringkas. Maka penyelidik akan menyusun dan membuat interpretasi terhadap data mentah. Antara statistik deskriptif yang akan digunakan untuk menganalisis data ini adalah frekuensi (kekerapan), peratusan, min, sisihan piawai dan *ranking*.

Frekuensi dan peratusan akan digunakan untuk menentukan bilangan sampel yang terlibat dalam kajian dan ciri-ciri latar belakang berdasarkan demografi responden. Nilai min dan sisihan akan dibaca bersama untuk menentukan konsepsi dan tahap kesediaan. Nilai sisihan yang kecil akan menggambarkan persetujuan responden menghampiri nilai min dan sebaliknya (Hair *et al.* 2007). Maka jadual 2 di bawah menunjukkan interpretasi tahap berdasarkan nilai min yang diperoleh.

Jadual 2

Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Tahap rendah
2.01 – 3.00	Tahap sederhana rendah
3.01 - 4.00	Tahap sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tahap tinggi

Sumber: Nunnally, J. C. & Bernstein (1994); Alias Baba (1997)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini cuba menjawab persoalan kajian iaitu sejauh manakah aspek pengetahuan pelajar dalam melaksanakan KPPB, kemahiran pelajar dalam melaksanakan KPPB dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan KPPB ini dalam situasi sebenar di bilik darjah. Min dan sisihan piawai untuk ketiga-tiga konstruk adalah seperti yang tertera di jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Min dan Sisihan Piawai Untuk Ketiga-Tiga Konstruk

Konstruk	Min	Sisihan Piawai
Pengetahuan dalam Melaksanakan KPPB	3.98	0.74
Kemahiran Melaksanakan KPPB	3.98	0.77
Konsepsi terhadap Pelaksanaan KPPB	4.11	0.71

Jadual 3 di atas menunjukkan keputusan untuk ketiga-tiga konstruk yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan menunjukkan bahawa konstruk konsepsi pelajar terhadap pelaksanaan KPPB menunjukkan min tertinggi ($M=4.11; SP=0.71$) diikuti dengan min konstruk bagi pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan KPPB ($M=3.98$)

Jadual 4

Pengetahuan Pelaksanaan KPPB

ITEM	PERNYATAAN	MIN	SISIHAN PIAWAI
1.	Saya tahu konsep pelaksanaan KPPB	3.74	0.75
2.	Pengetahuan saya terhadap KPPB meningkat setelah mengikuti tugas yang diberikan	4.00	0.65
3.	Saya pernah menghadiri taklimat KPPB	3.56	0.82
4.	Pengetahuan saya terhadap KPPB meningkat setelah melaksanakan kerja kursus yang melibatkan KPPB	3.95	0.79
5.	Saya tahu bahawa modul pembelajaran KPPB memerlukan penglibatan pelajar secara bermakna sebagai rakan pembelajaran (<i>co-designers & co-learners</i>).	3.90	0.75
6.	Saya mengaplikasi tiga komponen Model Pembelajaran Pelajar iaitu perhubungan, belajar cara belajar dan aspirasi.	4.08	0.70
7.	Saya berpeluang memuat naik hasil kerja yang telah dihasilkan ke dalam aplikasi digital seperti padlet, untuk perkongsian bersama	3.95	0.83
8.	Saya sedar bahawa kemahiran interpersonal dapat ditingkatkan semasa melakukan tugas KPPB	4.23	0.74
9.	Saya memantau pembelajaran sendiri menggunakan Senarai Semak Tugas	3.95	0.65
10.	Saya melakukan penilaian sendiri menggunakan senarai semak rubrik	3.95	0.76
11.	Saya sering diberi memberi maklum balas oleh pensyarah sebelum, semasa dan selepas kerja kursus	4.23	0.74
12.	Elemen pembelajaran dapat difahami dengan lebih mendalam	4.23	0.74

Jadual 4 di atas memperlihatkan bahawa aspek pengetahuan dalam pelaksanaan KPPB mendapati kemahiran interpersonal dapat ditingkatkan semasa melakukan tugas KPPB ($M=4.23; SP=.74$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa item yang paling rendah ialah “ Saya pernah menghadiri taklimat KPPB “ ($M=3.52; SP=.82$).

Jadual 5

Aspek Kemahiran Pelajar Dalam Melaksanakan KPPB

ITEM	PERNYATAAN	MIN	SISIHAN PIAWAI
1.	Saya yakin dalam menerapkan KPPB di sekolah kelak	3.8	0.73
2.	Saya yakin menggunakan elemen yang terdapat dalam KPPB untuk melaksanakan di sekolah	4.0	0.73
3.	Saya yakin untuk memulakan KPPB dengan menggabungkan lebih dari 1 mata pelajaran	3.9	0.87
4.	Saya yakin untuk memulakan KPPB hanya dengan mata pelajaran yang di ajar	3.8	0.68
5.	Saya yakin untuk mengendalikan modul pembelajaran KPPB yang memerlukan penglibatan pelajar secara bermakna sebagai rakan pembelajaran (<i>co-designers & co-learners</i>).	3.9	0.83
6.	Saya yakin untuk mengaplikasi tiga komponen Model Pembelajaran Pelajar iaitu perhubungan, belajar cara belajar dan aspirasi.	3.9	0.87
7.	Saya tahu untuk memuat naik hasil kerja yang telah dihasilkan ke dalam aplikasi digital seperti <i>padlet</i> , untuk perkongsian bersama	4.2	0.68
8.	Saya yakin bahawa kemahiran interpersonal dapat ditingkatkan semasa melakukan tugas KPPB	4.3	0.79
9.	Saya tahu menggunakan senarai semak tugas untuk memantau pembelajaran sendiri	4.2	0.79
10.	Saya yakin dapat memberikan maklum balas kepada pelajar untuk tugas yang diberi	3.8	0.68

Berdasarkan dapatan yang tertera pada Jadual 5 di atas, dari aspek kemahiran pelajar dalam melaksanakan KPPB, didapati bahawa mereka yakin bahawa kemahiran interpersonal dapat ditingkatkan semasa melakukan tugas KPPB ($M=4.3$: $SP=.79$). Hal ini diikuti dengan tahu untuk memuat naik hasil kerja yang telah dihasilkan ke dalam aplikasi digital seperti *padlet*, untuk perkongsian bersama ($M=4.2$: $SP=.68$) dan tahu menggunakan senarai semak tugas untuk memantau pembelajaran sendiri ($M=4.2$: $SP=.79$). Kemahiran-kemahiran yang dinyatakan merupakan antara kemahiran yang diperlukan dalam pelaksanaan KPPB.

Jadual 6

Konsepsi Pelajar Dalam Melaksanakan KPPB

ITEM	PERNYATAAN	MIN	SISIHAN PIAWAI
1.	Saya berbincang dengan rakan sealian bagi membuat refleksi setelah menjalankan KPPB	4.15	0.63
2.	Saya berbincang dengan pensyarah untuk mengatasi kelemahan pelaksanaan KPPB	4.26	0.68

3.	Saya komited dalam menjalankan KPPB	4.10	0.64
4.	Saya membantu rakan sejawat dalam masalah KPPB	3.82	0.88
5.	Saya bersedia untuk mengikuti kursus pemantapan KPPB bagi memantapkan lagi pengetahuan saya dalam pelaksanaan KPPB	4.36	0.74
6.	Saya membuat tindakan susulan untuk menganalisis pencapaian pelajar	4.28	0.69
7.	Saya akan lebih yakin untuk merancang aktiviti pelaksanaan KPPB sewaktu di sekolah	4.15	0.67
8.	Saya menawarkan diri membantu guru dalam pelaksanaan KPPB kerana minat yang mendalam terhadap bidang ini	3.79	0.73
9.	Saya mempunyai keyakinan yang tinggi dalam melaksanakan KPPB	3.79	0.83
10.	Saya yakin melaksanakan KPPB kerana telah diberi pendedahan	3.90	0.82
11.	Saya memberi penekanan terhadap kesemua elemen 6C dalam pengajaran dan pembelajaran	3.87	0.77
12.	Saya memberi penekanan terhadap sebahagian dari elemen 6C dalam pengajaran dan pembelajaran	4.15	0.49
13.	Pelaksanaan KPPB menyumbang ke arah kemenjadian murid	4.49	0.68

Dapatan yang tertera pada Jadual 6 memperlihatkan konstruk konsepsi pelajar terhadap pelaksanaan KPPB menunjukkan min tertinggi ($M=4.11; SP=0.71$). Pelaksanaan KPPB menyumbang ke arah kemenjadian murid menunjukkan min tertinggi ($M=4.49; SP=.68$) dan diikuti dengan kesediaan untuk mengikuti kursus pemantapan KPPB bagi memantapkan pengetahuan dalam pelaksanaan KPPB menunjukkan min kedua tinggi ($M=4.36; SP=.74$)

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai konsepsi yang tinggi terhadap pelaksanaan KPPB manakala pengetahuan dan kemahiran yang sederhana tinggi dalam melaksanakan KPPB. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar memahami konsep terhadap pelaksanaan KPPB dan kepentingan KPPB dalam memastikan kemenjadian murid yang menyeluruh. Namun begitu pelajar perlu meningkatkan aspek pengetahuan dan kemahiran mereka dalam melaksanakan KPPB supaya mereka mampu melaksanakannya apabila mereka berada di sekolah.

Hasil analisis dari soalan terbuka memperlihatkan bahawa pelajar memerlukan pendedahan dan akan lebih memberi impak jika mereka mengalami proses pelaksanaan KPPB dalam tugas kerja kursus. Peluang yang dilalui merupakan nilai tambah yang sangat berharga dan merupakan suatu proses pembelajaran yang boleh digunakan sepanjang hayat (Analisis 4). Dapatan juga menunjukkan bahawa KPPB memberikan persekitaran pembelajaran yang bermaksa dan mampu memberikan impak yang positif terhadap kemenjadian guru dan murid.

RUMUSAN

Pelaksanaan KPPB ini memperkukuh dan memantapkan penyampaian kurikulum melalui kekuatan amalan pedagogi berkesan. KPPB merangkumi tiga elemen utama iaitu kompetensi pembelajaran bermakna, reka bentuk dan iklim pembelajaran. Pelaksanaan KPPB secara berkesan adalah merupakan komitmen ke arah mewujudkan hubungan pembelajaran yang benar-benar baharu antara pelajar, pensyarah dan komuniti. KPPB memberi tumpuan mereka bentuk dan mengenal pasti kapasiti pedagogi yang mampu mendorong pelajar mengembangkan kompetensi pembelajaran bermakna, iaitu 6C (6C - *Character, Citizenship, Collaboration, Communication, Creativity, Critical Thinking*). Justeru, pensyarah-pensyarah IPG berperanan untuk melatih bakal-bakal guru dengan memberikan pengalaman serta memberi kursus atau bengkel untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam pelaksanaan KPPB dan di harap usaha murni ini akan menyediakan bakal-bakal guru yang kompeten dan dapat bertindak sebagai guru permulaan yang yakin dan beriltizam dan dapat memberi impak terhadap murid-murid di sekolah kelak. Bagi kajian akan datang, penyelidik mencadangkan untuk mengkaji penerimaan pelaksanaan KPPB dalam kalangan pensyarah IPG. Selain itu, kajian untuk meneroka impak pelaksanaan KPPB terhadap pembelajaran pelajar di IPG juga boleh dilaksanakan. Penglibatan dan komitmen yang tinggi daripada pensyarah, pemimpin, guru, ibu bapa dan murid atau pelajar mampu menjadikan KPPB melangkaui ekosistem pembelajaran dinamik serta sebagai pemangkin kepada transformasi sekolah khususnya dan sistem pendidikan di Malaysia secara amnya.

RUJUKAN

- Fullan, M. & Langworthy, M. (2014). *A rich seam: How new pedagogies found a deep learning*. Pearson.
- Fullan, M., Quinn, J. & McEachen, J.J. (2018). *Deep learning: Engage the world change the world*. Thousand Oaks: SAGE.
- Galloway, A. (2004). Intimations of everyday life: Ubiquitous computing and the city. *Cultural Studies*, 18(2-3), 384- 408. doi: 10.1080/0950238042000201572
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lai, K.W. (2011). Digital technology and the culture of teaching and learning in higher education. *Australian Journal of Educational Technology*, 27(8), 1263-1275.
- Maxwell, J. A. (2013). *Qualitative Research Design, An Interactive Approach (Third ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications. (p. 121-138).
- Fullan, M., & Quinn, J. (2015). *Coherence: The right drivers in action for schools, districts, and systems*. Thousand Oaks.
- Fullan, M., Quinn, J & McEachen, J. (2017). Book Review: Deep Learning: Engage the World Change the World. *Journal of Catholic Education*, 22 (2).
- Mohd Safarin Nordin. (2014). Ketersediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah bagi mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 .TVEIS 2014*, (473-483).

- Nunnally, J.C. and Bernstein, I.H. (1994). The assessment of reliability. *Psychometric Theory*, 3, 248-292.
- Prensky, M. (2000). Digital native, digital immigrants, Part 1. *On the horizon*, 9(5),1-6.
- Stiggins, R.J., (2002). *Assessment Crisis: The Absence of Assessment for Learning, Knowing What Student Know*. In Committee on the Foundation of & Information Studies, University of California, Los Angeles, USA.